



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	18/3/2019	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	KATS / YBM / PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

'Perang' pemburu haram Harimau Malaya

KUALA LUMPUR - Kerajaan telah mengisytiharkan 'perang' terhadap pemburu haram sebagai agenda nasional dalam komitmennya untuk memastikan spesies Harimau Malaya tidak pupus.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar berkata, untuk itu, pasukan petugas yang akan menjalankan rondaan ditubuhkan di bawah Program Perlindungan Harimau dan Rondaan (TP3).

Penubuhan pasukan petugas yang terdiri daripada 2,000 kakitangan daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia, dianggap penting

memandangkan semakin banyak perangkap digunakan untuk menjerat haiwan itu dan peningkatan kes manusia menceroboh habitat harimau.

"Masa telah tiba untuk menghentikan pembunuhan Harimau Malaya dan hidupan liar yang lain oleh pemburu haram yang tidak berhati perut! Hari ini, pada Hari Hidupan Liar Sedunia saya mengisytiharkan perang terhadap pemburu haram!", katanya pada prapelancaran Kempen Selamatkan Harimau Malaya sempena Hari Hidupan Liar Dunia 2019, di sini semalam.

Xavier berkata, kempen selama dua tahun yang bermula semalam dengan isteri Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali dan Perhilitan menjadi penaung kempen. - Bernama



XAVIER (dua dari kiri) melawat ruang pameran selepas merasmikan Hari Hidupan Liar Sedunia di pusat beli-belah MyTown, Kuala Lumpur semalam.